

## Pengajian Hadis di Era ICT<sup>1</sup>

A. Irwan Santeri Doll Kawaid al-Nadawi\*

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Phone: +606-7986744, a.irwan@usim.edu.my

### Abstrak

*Pendidikan atau pengajian adalah suatu yang dinamik dan sentiasa berubah mengikut kesesuaian zaman dan keadaan. Pengajian hadis adalah antara bidang pengajian yang tidak terkecuali daripada mengalami proses perubahan tersebut. Semenjak ia terbit daripada empunya diri iaitu Nabi Muhammad s.a.w, ilmu ini telah mengalami pelbagai perubahan mengikut kesesuaian masa dan keadaan. Antara perubahan yang berlaku adalah daripada dahulunya ia diajar tanpa menggunakan kitab kemudian dengan diajarkan dengan menggunakan kitab, daripada diajarkan dengan menggunakan kitab yang bertulis tangan kepada penggunaan kitab yang bercetak, daripada dipelajari secara tidak formal kepada cara yang berbentuk formal dan berbagai lagi. Teknologi ICT adalah suatu kemajuan yang tidak asing lagi di zaman ini. Penggunaannya telah menjadi suatu budaya masyarakat dunia. Malah ia telah dijadikan alat penting dalam dunia pendidikan. Justeru itu, kertas kerja ini mencuba melihat kesesuaian teknologi ini untuk diaplikasikan dalam bidang pengajian hadis dan meneroka aspek positif yang terdapat dalamnya untuk dimafaatkan bagi kebaikan bidang ini.*

Kata Kunci: Pengajian Hadis, ICT, aplikasi, dinamik, perubahan.

### Pendahuluan:

Pengajian hadis adalah antara bidang pengajian yang terawal dalam Islam. Ini lantaran perkaitannya dengan utusan Allah s.w.t. itu sendiri yang diutuskan untuk mengajarkan ajaran Islam kepada umat manusia. Justeru, ilmu ini mempunyai keistimewaan tersendiri kerana mempunyai hubungan erat dengan peribadi diri Rasulullah s.a.w sendiri. Kerana itu jugalah ilmu ini dianggap mempunyai ciri-ciri klasikal kerana sejarahnya yang panjang.

Oleh kerana faktor kedudukannya sebagai sumber kedua utama umat Islam, ilmu ini juga antara ilmu yang paling awal berkembang pesat. Ia telah ditekuni oleh para ilmuwan Islam demi memelihara penyebaran ajaran agama Islam itu sendiri. Faktor kemasukan unsur-unsur negatif dalam ilmu ini juga, yang dikenali sebagai hadis palsu, menyebabkan ia berkembang lebih pesat dengan wujudnya aktiviti penulisan yang proaktif yang bertujuan menyebarkan perkara yang tulen yang berasal Nabi s.a.w. dan merekodkan dan mencatatkan apa sahaja yang berkaitannya termasuklah maklumat setiap perawi yang menyampaikannya agar hadis dapat terpelihara daripada anasir-anasir penyelewengan.

Ilmu ini telah mengalami pelbagai perubahan semenjak ia terbit daripada Nabi s.a.w. Perubahan-perubahan tersebut merupakan perubahan yang positif. Iaitu penambahbaikan dan tidak menyangkut perubahan pada isi kandungan. Antara contoh perubahan tersebut adalah daripada ia diajarkan tanpa menggunakan kitab kepada diajarkan menggunakan kitab, daripada diajarkan dengan menggunakan kulit

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini telah dibentangkan dalam Seminar Serantau Pengajian Quran dan Sunnah 2014 yang dianjurkan oleh Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM dan Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara pada 22-23 Januari 2014.

\* Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

binatang atau pelepah tamar kepada diajarkan menggunakan kertas, daripada diajarkan dengan menggunakan kitab yang bertulis tangan kepada diajarkan menggunakan kitab yang bercetak. Begitu juga perubahan dari sudut kemunculan cabang-cabang ilmu baru dalam ilmu tersebut, seperti kemunculan ilmu usul hadis/kaedah hadis, ilmu al-Jarh wa al-Ta'dil, ilmu rijal, ilmu al-Asma wa al-Kuna, ilmu hadis palsu dan sebagainya. Perubahan-perubahan ini menunjukkan bahawa ilmu ini adalah bersifat dinamik dan dapat menerima perubahan mengikut kesesuaian zaman dan keadaan.

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT<sup>2</sup>) dalam pendidikan telah menjadi suatu yang lumrah pada hari ini. Selain bagi tujuan pembentangan, interaktif dan perhubungan, banyak lagi aplikasi berkaitan dengannya telah dibangunkan dan boleh dimanfaatkan bagi tujuan pendidikan.

Dalam bidang hadis, terdapat banyak aplikasi ICT berkaitan dengannya telah dibangunkan. Malah sesetengah aplikasi yang berkaitan dengannya dilihat lebih maju jika dibandingkan dengan aplikasi yang berkaitan dengan bidang ilmu lain. Tujuannya, untuk memudahkan umat Islam mendekati diri mereka dengan sumber kedua terpenting itu.

Antara bidang pengajian hadis yang dapat dimanfaatkan dengan kemajuan ICT adalah bidang kajian sanad dan takhrij. Bidang-bidang ini yang dulunya sangat sukar dikuasai lantaran perbahasannya yang sangat luas, sumber rujukan yang terlalu banyak yang memerlukan kepada ketekunan dan penguasaan yang mantap terutamanya dalam merujuk, membuat penelitian terhadap sumber-sumber rujukan dan penilaian maklumat tentang perawi dan riwayat hadis.

Perkara ini dahulunya hanya mampu dilakukan oleh para ulama besar dan hebat, terutamanya mereka yang mempunyai daya ingatan kuat yang dapat mengingati bilangan hadis dan maklumat perawi yang banyak serta berkemahiran menyelesaikan masalah-masalah berkaitan sanad. Sebagai contoh Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Yahya bin Ma'in dan lain-lain lagi. Generasi tersebut adalah generasi ulung dalam ilmu ini. Setelah generasi mereka, kepakaran terhadap pengajian hadis semakin lemah. Ulama yang menguasai bidang ini juga semakin berkurangan. Apabila tiba abad ini, kepakaran dalam bidang tersebut hampir tiada. Hal ini kerana kemampuan generasi ini yang semakin lemah dan ketiadaan persekitaran yang menggalakkan budaya penguasaan ilmu tersebut seperti dahulu.

Kesukaran yang disebutkan tadi telah menyebabkan pengajian dan pengkajian bidang ini tidak berkembang, malah sukar untuk menghasilkan sesuatu yang baru malah menyebabkan pengajian bidang ini menjadi tidak menarik.

Namun, setelah berlakunya ledakan era ICT, banyak aplikasi berkaitan sanad dan takhrij telah dibangunkan. Bidang ini telah mendapat nafas baru dan dapat dipertingkatkan pengaplikasiannya dengan kewujudan banyak aplikasi tersebut. Bidang pengajian sanad dan takhrij telah menjadi lebih mudah apabila aplikasi-aplikasi tersebut bukan sahaja dapat membantu memudahkan dalam menghimpunkan sejumlah besar sumber rujukan, malah ia turut membantu proses carian teks dan mendapatkan maklumat lain berkaitan sanad dan lain-lain. Perkara ini dahulunya terpaksa mengambil masa yang lama dan melalui jalan sukar. Di samping itu aplikasi-aplikasi tersebut turut mempunyai beberapa fungsi lain yang istimewa seperti kemudahan menyalin teks dan lain-lain.

---

<sup>2</sup>ICT adalah merujuk kepada Information Communication Technology. Iaitu teknologi komunikasi yang melibatkan aspek sosial kehidupan dalam dunia digital seperti media sosial, web 2.0 dan sebagainya. Ia terbahagi kepada dua kumpulan yang melibatkan perkara berikut;

1. Teknologi Pengkomputeran yang tradisi seperti PC sama ada di rumah atau pejabat.
2. Teknologi komunikasi digital yang cepat dan pesat berkembang yang membolehkan orang dan organisasi berhubung dan berkongsi maklumat secara digital.

lihat Embong, Suhaimi. 2014. *IT atau ICT : Sama atau berbeza?* 06 Jan. Diakses Jan 09, 2014. <http://bm.harakahdaily.net/index.php/kesatuan-fikrah/24723-it-atau-ict-sama-atau-berbeza>

Kemajuan seperti ini boleh menjadikan pengajian sanad dan takhrij lebih menarik di kalangan generasi muda kini yang rata-ratanya telah terbiasa dengan penggunaan ICT dalam urusan seharian mereka. Ia akan membuatkan mereka lebih menghayati dan dapat mengaplikasikannya.

Selain itu, pengaplikasian penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dilihat perlu pada zaman ini kerana ia bukan sahaja dapat memenuhi kecenderungan pelajar dan menarik minat mereka dalam pelajaran malah ia dapat memberikan pengalaman menyelesaikan masalah sebenar kepada mereka. Rosenberg menjelaskan integrasi ICT dalam P&P dapat peluang kepada guru untuk memperkenalkan pembelajaran secara kontekstual kepada murid-murid.<sup>3</sup> Pembelajaran ini memfokuskan pembelajaran dalam konteks aktiviti masalah sebenar dan meletakkan pelajar sebagai penyelesaian masalah. Melalui penggunaan ICT pelajar dapat menguasai pelbagai kemahiran manipulatif seperti kemahiran pemprosesan perkataan, pangkalan data dan pembentangan dengan menggunakan alat-alat teknologi. Kemahiran dan penguasaan dalam teknologi akan melahirkan pelajar yang lebih bersedia dan yakin untuk memasuki alam pekerjaan.

Justeru itu, pengajian hadis dicadangkan agar mempunyai nilai tambah, khususnya di dalam pengajaran mata kursus al-takhrij dan kajian sanad hadis menggunakan alat bantu mengajar yang baru iaitu pengaplikasian aplikasi berkaitan hadis dalam P & P. Ini supaya gambaran terhadap teori-teori yang disampaikan berkaitan hadis, termasuk latihan amali yang dilakukan dapat dihayati oleh pelajar.

Antara aplikasi termaju yang dilihat dapat membantu dalam merelisasikan tujuan ini adalah perisian Jawami al-Kalim, laman web islamweb, al-Maktabah al-Syamilah dan laman web al-Durar al-Saniyyah.

## **1. Al-Jawami al-Kalim**

Jawami al-Kalim merupakan sebuah perisian berkaitan hadis yang berbahasa Arab. Perisian ini boleh dikategorikan sebagai aplikasi jenis termaju<sup>4</sup>. Ia telah dibangunkan oleh Syarikat Offok iaitu sebuah syarikat yang berpangkalan di Mesir.

Perisian ini mula dibangunkan pada tahun 1988 dan dijual kepada orang ramai. Pembangunnya telah mengambil masa selama 30 tahun untuk disiapkan sebelum dipasarkan pada tahun 2003. Para penyelidik yang terlibat dalam pembangunannya adalah seramai 350 orang.<sup>5</sup>

Orang yang bertanggungjawab membangunkan perisian ini adalah Mahmoud al-Marakibi yang juga berasal dari Mesir. Beliau yang dilahirkan pada tahun 1945 dan mempunyai latar belakang kejuruteraan dari Universiti 'Ain al-Syam, Mesir.<sup>6</sup> Beliau memulakan pembangunannya ketika menerajui Syarikat al-Turath yang berpangkalan di Mesir. Kemudian mula memasarkannya ketika beliau menerajui Syarikat al-Offok pada tahun 2003.

Hak milik perisian ini kemudian dibeli dan dibiayai oleh pemegang wasiat Qasim Darwisy Farkhro. Mereka kemudiannya mewakafkannya kepada umat Islam dengan kerjasama Kementerian Wakaf Qatar<sup>7</sup>. Kerjasama dari pihak kementerian tersebut merupakan suatu nilai tambah terhadap jaminan keautoritian isi kandungan perisian ini. Perisian kini boleh dimuat turun secara percuma daripada

---

<sup>3</sup> Rosenberg, M.J., 2000, *E-Learning*, New York: McGraw Hill.

<sup>4</sup> Perisian aplikasi terbahagi kepada dua bahagian iaitu perisian asas dan perisian termaju. Perisian asas adalah perisian yang digunakan untuk meningkatkan produktiviti pengguna manakala perisian termaju pula adalah perisian untuk tujuan khusus dan memerlukan kepakaran untuk menggunakannya. Dengan bantuan komputer, kini anda boleh melaksanakan berbagai operasi yang dahulunya hanya boleh dilaksanakan oleh pakar yang terlatih. <http://rbt3107.whatta.org/?p=489>. Dilihat pada 29hb Ogos 2012.

<sup>5</sup>t.t. *Ta'rif bi Jawami al-Kalim*. Diakses Oktober 25, 2013. <http://gk.islamweb.net:8080/GKAbout.pdf>.

<sup>6</sup>t.t. *al-Sirah al-Zatiyyah li Mahmud Murakibi*. Diakses January 20, 2014. <http://mahmoudelmarakby.com/>.

<sup>7</sup> Kementerian waqaf adalah kementerian yang hal ehwal agama.

laman web: islamweb.net. Ia juga terdapat dalam versi dalam taliannya yang boleh digunakan melalui laman web yang sama. (akan terdapat satu perbincangan khusus tentang laman web ini selepas ini).

Perisian ini mengandungi 1400 buku berkaitan hadis dan sedikit daripada beberapa bidang-bidang lain seperti tafsir, fekah dan aqidah. 543 buah buku daripadanya masih dalam bentuk manuskrip, iaitu belum dicetak.

Selain itu, terdapat sebanyak 700 ribu sanad hadith telah digarap dan disertakan dengan hukum statusnya secara ringkas termasuklah kritikan terhadap perawi dalam sanad, di samping kemudahan capaian terhadap sanad-sanad lain atau hadis-hadis lain yang mempunyai kaitan dengan hadis tersebut. Malah seramai 41,928 ribu orang perawi telah dikaji status mereka dan dimuatkan maklumat mereka ke dalamnya.

## **2.1.Fungsi dan kelebihan**

Perisian ini mempunyai pelbagai fungsi jenis maju (*advanced*) yang tidak terdapat pada perisian hadis lain. Kesemua fungsi yang terdapat dalam perisian ini, menurut teks pengenalan ringkas kepada perisian ini, adalah 69. Secara ringkasnya antara fungsi dan kelebihan tersebut adalah:

- Teks yang berbaris. Terdapat baris bacaan bagi kebanyakan teks yang terdapat dalam perisian ini.
- Pautan kamus.
- Gambaran rajah sanad.
- Capaian maklumat hasil carian hadith seperti sumber, bab dan kitab.
- Memberi maklumat perawi
- Memberi maklumat tentang komentar ulama bagi setiap perawi
- Memberi maklumat status hadith.
- Kemudahan *Takhrij*.
- Memberi biangan riwayat perawi.

Dan banyak lagi fungsi-fungsi maju yang lain. Aplikasi ini memudahkan capaian maklumat hasil carian seperti sumber hadith, memberi maklumat kedudukan hadith dalam kitab dan bab, memberi rantaian sanad berserta gambar rajahnya, memberi maklumat kritikan bagi setiap perawi, memberi maklumat hukum hadith, *takhrij*, *mutaba'at*, *syawahid*, *atraf* dan lain-lain lagi. Oleh kerana fungsi dan kelebihan ini, perisian ini boleh dianggap sebagai aplikasi hadith yang sangat bermanfaat.

Perisian ini mempunyai solusi grafik antarmuka yang agak berat selain isi kandungannya yang banyak. Bagi komputer yang mempunyai saiz memori dan ruang storan yang kecil, penggunaannya melalui perisian menjadi agak lambat.

Antara contoh kelebihan aplikasi ini adalah:

### **2.2.1.Fungsi Paparan**

Fungsi ini mengandungi:

- Paparan hadith
- Paparan sahabat

#### **2.2.1.1 Paparan hadith**

Fungsi ini boleh memaparkan hadith carian dengan data bilangan periwayatannya. Jenis carian hadith boleh dipilih melalui kotak pilihan yang disediakan.

### 2.2.1.2 Paparan Sahabat

Dalam bahagian boleh dilihat jenis sahabat mengikut:

- Jumlah riwayat
- Tempat tinggal
- Tempat wafat
- Kabilah
- Kedudukan
- Masa masuk Islam

### 2.2.2.Fungsi carian

Fungsi ini membolehkan carian:

- Teks hadis
- Maklumat Perawi
- Maklumat Ulama
- Komentor (al-Jarh wa al-Ta'dil)

#### 2.2.2.1 Carian teks hadis

Fungsi ini membolehkan carian teks hadis. Kata carian boleh dimasukkan daripada mana-mana bahagian tengah atau akhirnya. Pelbagai pilihan cara carian disediakan.

#### 2.2.2.1 Carian Maklumat Perawi

Maklumat perawi hadis boleh diketahui melalui beberapa cara. Antaranya dengan mengklik di atas mana-mana nama perawi yang terdapat dalam sanad hadis. Atau melalui bahagian carian perawi.

##### a. Melalui sanad hadis.

Nama perawi dalam sanad hadis perlu diklik. Seterusnya paparan seperti berikut akan muncul:

The screenshot shows a detailed profile page for a perawi (narrator) in Arabic. The interface includes several sections and callouts:

- Generasi Perawi**: Points to the 'رجل' (Man) section.
- Jantina Perawi**: Points to the 'رجل' (Man) section.
- Nama penuh perawi**: Points to the 'اسم الراوي' (Name of the narrator) field.
- Komentar tentang perawi**: Points to the 'إغاثي' (Biography) section.
- Guru-guru Perawi**: Points to the 'تلمذ' (Students) section.
- Salinan Tahzib al-Kamal tentang perawi**: Points to the 'تأليف الكمال' (Tahzib al-Kamal) section.
- Murid-murid Perawi**: Points to the 'تلمذ' (Students) section.
- Kunyah perawi**: Points to the 'كنية' (Kunya) field.
- Tahun wafat perawi**: Points to the 'سنة الوفاة' (Year of death) field.
- Ulama yang meriwayatkan hadisnya**: Points to the 'روى له' (Narrated by) section.
- Gelaran Perawi**: Points to the 'لقب' (Nickname) field.

The main form contains the following fields and values:

- رقم الراوي: 1
- اسم الراوي: عبد الله بن عبد الملك
- اسم الشهرة: أبي اللحم الغفاري
- كنية: أبو عبد الله
- النوع: الغفاري
- النسب: أبي اللحم الغفاري
- اللقب: أبي اللحم
- الوصف: كنية
- الشاعر: الشاعر
- النشاط: حجابي
- الرتبة: حجابي
- المذهب: المذهب
- الطبقة: حجابي
- سنة الميلاد: 8
- سنة الوفاة: 8
- المذاهب: المذهب
- عمر الراوي: 1
- بلد الوفاة: حنين
- الإقامة: الإقامة
- اختلاط: تكليس
- بلد الوفاة: حنين
- الأقرباء: الأقرباء
- الموالي: الموالي

Paparan ini adalah contoh bagi paparan perawi ‘Abdullah bin ‘Abd al-Malik. Paparan ini mengandungi lima bahagian penting;

1. Maklumat umum tentang perawi yang mengandungi maklumat berkaitan nama penuh perawi, jantinya, nama masyhurnya, nama kunyahnya, nama masyhurnya, nisbahnya, sifatnya yang tertentu, gelarnya, kegiatannya, mazhabnya, statusnya, bilangan generasi, tahun wafat, tahun kematiannya, umurnya, tempat tinggalnya, tempatan kematiannya, keluarga terdekatnya, maulanya dan ulama yang meriwayatkan hadisnya.
2. Paparan komentar ulama hadis terhadap statusnya. Dalam paparan ini, semua komentar ulama terhadap perawi disenaraikan di sini.
3. Senarai nama gurunya.
4. Senarai murid perawinya.
5. Teks berkaitan dengan perawi yang terdapat dalam kitab Tahzib al-Kamal.

### 3. Laman web islamweb

Islamweb merupakan sebuah laman web pelbagai bahasa yang berkonsepkan dakwah Islam mengikut aliran *ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Laman web ini adalah dinaungi oleh Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Qatar.<sup>8</sup> Tujuan ia dibangunkan sepertimana yang dinyatakan dalam laman tersebut sendiri adalah untuk menyebarkan dakwah islamiah, memperkayakan pengetahuan dan apresiasi Islam dengan berpaksikan Al-Quran dan Sunnah, memberikan pengetahuan dan gambaran yang benar kepada masyarakat dunia tentang keagungan Islam khususnya kepada non-Muslim, menjadi wadah pertemuan dan penyatuan umat Islam di samping menyediakan bantuan kepakaran kepada para pengunjung laman web.<sup>9</sup>

Laman web ini walaupun tampak sederhana, namun jika diteliti, ia dibangunkan dengan penuh kesungguhan. Ini terbukti dengan terdapatnya banyak sudut pengetahuan yang boleh dianggap luas di dalamnya. Ditambah lagi dengan kepelbagaian segmen yang ada seperti segmen ilmu pengetahuan, akidah, ilmu berkaitan Al-Quran dan hadis, segmen berita, fatwa, bahan audio, bahagian kanak-kanak, remaja, wanita dan keluarga.

Selain dalam Bahasa Arab, laman web ini turut dibuka dengan beberapa bahasa asing iaitu; Bahasa Inggeris, Perancis, Belanda dan Spanyol. Walau bagaimanapun bagi bahagian ensiklopedia hadis (*Mawsu'ah al-Hadith*), ianyahanya disediakan melalui versi Bahasa Arab.

Di antara bahagian yang besar dalam laman web ini adalah bahagian ensiklopedia. Setakat ini, terdapat hanya dua ensiklopedia ilmu Islam yang terdapat dalam laman web ini iaitu ensiklopedia ilmu hadis dan ensiklopedia ilmu al-Quran.

Aplikasi hadis dalam laman web ini sebenarnya pada asalnya merupakan perisian '*Jawami' al-Kalim*' yang telah dibincangkan sebelum ini. Ia telah dimuatnaik dan diberikan akses secara percuma dalam talian. Oleh itu boleh dikatakan Ensiklopedia Hadis islamweb sebagai '*Jawami' al-Kalim* versi *online/internet*. Namun begitu, penggunaan aplikasi ini melalui laman web ini dirasakan lebih baik berbanding penggunaannya melalui perisian sahaja kerana saiz grafiknya yang telah dikurangkan untuk versinya. Hanya masalah saiznya sahaja menjadikan penggunaannya melalui dalam talian adalah lebih cepat. Namun begitu penggunaan aplikasi ini dalam versi perisian tetap mempunyai

<sup>8</sup> <http://www.islamweb.net/media/index.php?page=article&lang=A&id=6248>. Dilihat pada 29hb Ogos 2012.

<sup>9</sup>t.t. *Man Nahnu*. Diakses Januari 2014, 20.


<http://articles.islamweb.net/media/index.php?page=article&id=13341>.

kelebihan-kelebihan tertentu, terutamanya apabila aplikasi ini dalam versi perisian sering mendapat penambahbaikan berbanding versi onlinenya.


Fungsi dan ciri-ciri yang terdapat di dalam laman web ini adalah hampir sama dengan aplikasi berbentuk perisian. Hanya terdapat beberapa perbezaan untuk tata atur yang direka khusus untuk versi atas talian.

Antara contoh penggunaan aplikasi ini adalah:


Pengguna boleh memilih sama ada mahu mengakses laman web ini dengan terus ke URL umumnya iaitu [www.islamweb.net](http://www.islamweb.net) dan membuka pautan *mawsu'at* yang berada di sebelah kiri bahagian atas laman web ataupun dengan terus ke URL berikut: [www.islamweb.net/hadith](http://www.islamweb.net/hadith).



Setelah halaman bagi *Mausu'at* (ensiklopedia) muncul, tiga pautan utama (buat masa ini) akan terpapar; pautan pertama di sebelah kiri atas adalah pautan ke halaman memuat turun perisian Jawami' al-Kalim, kedua di sebelah kanan atas adalah untuk ke halaman ensiklopedia hadis islamweb dan pautan ketiga adalah untuk ke halaman ensiklopedia al-Quran. Untuk mengakses ke laman ensiklopedia hadis islamweb, pautan kedua iaitu yang tertulis '*Mawqi' Mausuh al-Hadis*' perlulah dipilih.



Setelah perkara tersebut dilakukan, halaman ensiklopedia hadis islamweb akan muncul seperti berikut:



Terdapat beberapa komponen utama halaman ini yang terpapar. Iaitu:

- i. Ruang enjin carian teks hadith yang berada di sebelah kiri atas di bawah sepanduk laman.
- ii. Kolum utama yang berada di kanan atas yang mempunyai empat bahagian pilihan;
  - a. Kitab-kitab
  - b. Perawi hadis
  - c. Carian pantas hadis

- d. Carian pantas perawi
- e. Usul dan cadangan

Hanya empat bahagian di atas yang akan kami huraikan fungsinya di sini kerana kaitannya dengan kajian sanad dan takhrij.

### **3.1.1. Bahagian Kitab- kitab**

Seperti mana yang telah dinyatakan bahawa terdapat 1400 kitab yang dimuatkan dalam aplikasi ini. Namun bukanlah semua kitab-kitab tersebut adalah kitab-kitab berkaitan ilmu hadis. Kebanyakan kitab-kitab tersebut adalah kitab-kitab ilmu hadis atau kitab-kitab klasik agama dalam bidang ilmu lain yang mengandungi hadis Nabi s.a.w.

Cara susunan nama kitab-kitab tersebut dalam senarainya tidak kelihatan mengikut susunan huruf abjad. Namun pembaca boleh mencari kitab yang dikehendaki iaitu sama ada dengan menggunakan kotak huruf pertama kitab yang terdapat di atas senarai nama kitab atau dengan memilih kategori kitab yang dikehendaki melalui pilihan kategori yang terdapat di bawah kotak carian teks di sebelah kiri halaman.

Apabila sudah ditemui, pembacaan dari halaman ke halaman buku boleh dilakukan. Namun pembacaan dari halaman ke halaman dalam buku tertentu hanya boleh dilakukan dengan cara membuka halaman berikut dalam buku tersebut atau dengan memilih muka surat yang dikehendaki. Cara begini ada kelemahannya, iaitu carian tanpa teks dalam buku tertentu tidak dapat dilakukan secara terus dalam buku tersebut.

### **3.1.2. Bahagian Perawi Hadis**

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa terdapat 41,928 orang perawi hadis yang telah dimasukkan maklumat mereka ke dalam aplikasi ini. Seperti halnya dengan susunan nama kitab, susunan nama-nama perawi juga tidak disusun secara sistematik. Ia juga boleh dicari mengikut susunan nama perawi mengikut urutan huruf awal daripada nama mereka dengan memilih huruf-huruf yang terdapat pada kotak di atas senarai nama perawi atau dengan menggunakan carian nama perawi pada kotak carian yang terdapat di atas senarai nama perawi di sebelah kiri halaman.

Namun begitu, jika nama yang dicari tidak tepat dengan data yang terdapat dalam aplikasi ini; sama ada nama perawi tidak lengkap atau berlainan seperti mana yang direkodkan dalam aplikasi ini, (sesetengah perawi hanya diketahui sebahagian daripada namanya yang sebenar atau terdapat persamaan di 9erjay namanya dengan nama perawi lain) maka kemungkinan proses carian tidak 9erjaya dilakukan. Penggunaan aplikasi ini untuk mencari maklumat perawi adalah tidak digalakkan kecuali jika jika namanya terdapat dalam sanad.

### **3.1.3. Carian Pantas Hadis**

Bahagian ini adalah sama penggunaannya dengan penggunaan enjin carian yang bakal memaparkan hasil carian daripada semua kitab yang terdapat dalam aplikasi ini.

### **3.1.4. Carian Pantas Perawi**

Kemungkinan terdapat kesilapan teknikal dalam bahagian ini kerana ia tidak dapat digunakan.

#### 4. Al-Maktabah al-Syamilah:

Perisian al-Maktabah al-Syamilah atau pun nama lainnya “al-Mausu’ah al-Syamilah” adalah satu perisian berbahasa Arab yang terbesar setakat ini. Ia juga adalah perisian paling popular lantaran kelebihannya yang banyak. Antara kelebihan utamanya adalah mesra pengguna dan mengandungi ribuan buku-buku islamik, sejarah dan bahasa dan budaya Arab. Ia diedarkan dalam talian secara percuma dan boleh dimuat turunnya daripada lama web <http://islamport.com/index2.html> atau di [www.shamela.ws](http://www.shamela.ws).

Perisian ini mula dibangunkan dan diedarkan untuk kali pertama pada tahun 2005. Sehingga kini versinya telah mencapai 4.38. Terdapat lebih kurang 6111<sup>10</sup> buah buku dengan ribuan jilid termasuklah kertas kerja persidangan, artikel, fatwa dan bahan-bahan ilmiah lain di dalamnya. Kebanyakan buku-buku yang terdapat di dalamnya adalah buku-buku klasik utama dalam bidang-bidang yang disebutkan tadi. Buku berkaitan hadis boleh dianggap di antara yang koleksi yang terbanyak yang terdapat dalam aplikasi ini.

Terdapat maklumat yang menyatakan bahawa Dr. Nafi adalah orang yang bertanggungjawab membangunkan aplikasi ini<sup>11</sup>. Tetapi tidak banyak diketahui tentang beliau dan orang-orang yang membantu beliau dalam membangunkannya. Buku-buku yang terdapat di dalamnya dikatakan kebanyakannya adalah hasil diterima daripada orang ramai.

Antara ciri mesra penggunaan aplikasi ini adalah pengguna boleh mengubah suai, menambah koleksi kitab, membuat salinan dengan mudah. Selain itu, walaupun mengandungi buku-buku yang banyak, tetapi perisian ini tidak berat. Maka tempoh apa-apa proses yang diambil adalah singkat.

Antar mukanya menggunakan bahasa Arab dan belum terdapat versi bahasa lain. Justeru, untuk menggunakannya, pengguna perlu mengetahui bahasa Arab dan istilah-istilah komputer dalam bahasa Arab. Sistem operasi yang digunakan adalah: Window. Kapasiti versi terbarunya pula adalah sekitar 14GB.

#### 4.2. Fungsi-fungsi Utama

Antara fungsi-fungsi utamanya adalah:

- Boleh dinaik taraf dari semasa ke semasa.
- Kemudahan membaca buku.
- Kemudahan carian teks Quran.
- Kemudahan melihat tafsir Quran.
- Kemudahan menyalin teks.
- Kemudahan memuat turun buku.
- Kemudahan menambah buku secara manual.
- Kemudahan memperbaiki kesilapan tulisan atau maklumat.
- Kemudahan mencari maklumat perawi.
- Kemudahan mengubah aturcara perisian, seperti saiz tulisan bentuk tulisan (font) warna tulisan dan gambar latar.
- Kemudahan-kemudahan tersebut turut dimudahkan lagi dengan fungsi-fungsi lain yang mesra pengguna bagi setiapnya.

---

<sup>10</sup> Setakat maklumat pada 25/10/2013. Sumber <http://shamela.ws/index.php/page/official>.

<sup>11</sup>t.t. *Ma Qisah al-Syamilah wa Dr. Nafi'*. Diakses Januari 20, 2014.

<http://www.ahlalhdeeth.com/vb/showthread.php?t=118839>.

Selain itu, buku-buku yang terdapat di dalamnya dikategorikan mengikut bidang atau ciri-ciri tertentu. Tujuannya untuk memudahkan proses pencarian.

Sebahagian buku yang terdapat di dalamnya mempunyai maklumat lengkap; nama pengarang, nama penerbit, nama pentahqiq, edisi, tahun terbit, tempat terbit mengikut edisi buku bercetak. Buku-buku tersebut, nombor-nombor turutannya, muka surat dan jilid yang terpapar padanya adalah mengikut susunan buku bercetak. Dengan itu ia boleh digunakan bagi tujuan akademik dan bagi tujuan rujukan lain. Ada pun sebahagian buku yang lain tidak mempunyai maklumat lengkap, maka maklumat nombor-nombor muka surat dan jilid yang terpapar padanya tidak boleh dijadikan sandaran ilmiah. Tetapi isi kandungannya adalah sama seperti buku asal.

Terkadang terdapat banyak kesilapan yang berlaku dari sudut ejaan, kehilangan perkataan dan kesilapan-kesilapan lain. Perkara ini banyak berlaku pada versi-versi awalnya, tetapi ia telah diperbaiki dari semasa ke semasa, malah kini para pengguna dapat memberi teguran atau memperbaiki sendiri kesilapan-kesilapan tersebut.

Bagi mereka yang mempunyai latar belakang bahasa Arab dan penguasaan terhadap karya arab dengan kuat, kesilapan-kesilapan tersebut mudah disedari. Kesilapan-kesilapan tersebut boleh dianggap kecil jika dibandingkan dengan usaha mereka yang menyalin buku-buku itu ke edisi digital dan menyumbangkannya ke perisian ini tanpa mendapat apa-apa bayaran.

## 5. Laman Web al-Dorar al-Saniah الدرر السنية

Web ini boleh diakses melalui alamat : <http://www.dorar.net/> .

Penyelia kepada web ini ialah : al-Sheikh ‘Alwi bin ‘Abd al-Qadir al-Saqqaf. Laman web ini secara dasarnya mengandungi pelbagai segmen berkaitan ilmu. Antara bahagian yang paling menonjol adalah ensiklopedia pelbagai bidang ilmu. Cara mengakses kepada ensiklopedia tersebut adalah melalui enjin carian yang disediakan.

Isi kandungan merangkumi pelbagai jenis maklumat:

1. Kitab-kitab hasil karya penyelia al-Sheikh ‘Alwi
2. Senarai kitab-kitab dan kajian-kajian di dalam pelbagai disiplin ilmu-ilmu Islam yang merangkumi al-Quran, hadis, fikah, tauhid, mantiq dan sebagainya. Setiap daripada kitab-kitab ini akan disenaraikan nama penulis, cetakan, tempat dan tahun cetakan serta bidang yang menjadi perbincangan kitab.
3. Senarai kitab-kitab yang di nasihatkan untuk dibaca mengikut bidang-bidang tertentu.
4. Cara menggunakan ruang pencarian.
5. Cara mengutuskan email atau persoalan.<sup>12</sup>

Antara ensiklopedia yang terdapat dalam laman web ini adalah:

1. Ensiklopedia Aqidah.
2. Ensiklopedia Agama dan Pemikiran.
3. Ensiklopedia Hadis.
4. Ensiklopedia Fiqh.
5. Ensiklopedia Sejarah.
6. Ensiklopedia daripada isi kandungan jurnal-jurnal dan majalah-majalah.<sup>13</sup>

---

<sup>12</sup>Zulhilmi Mohamed Nor. 2010. “Takhrij al-Hadith di Era ICT : Tinjauan Terhadap Web al-Durar al-Saniyyah” SWAN 2010. Nilai: FPQS.

<sup>13</sup>Ibid.

Untuk pencarian maklumat, pengguna hanya perlu menulis kata carian yang dikehendaki di kotak enjin carian kemudian akan hasil carian perbincangan atau perkataan yang dicari.

## 5.2 Ruangan Ensiklopedia Hadis

Di dalam bahagian inilah pengunjung web boleh mentakhrijkan sesuatu hadis dan mengetahui status kedudukannya.

Para pengunjung hanya perlu menekan pada item ini untuk mendapatkan ruangan untuk mentakhrijkan hadis. Atau terus kepada : <http://www.dorar.net/hadith.php>.

Di dalam ruangan ini akan terpapar bahagian untuk ibarat hadis yang dikehendaki, nama ahli hadis, kitab, cara pemilihan perkataan yang dibuat.

### 5.2.1 Cara menggunakan Ensiklopedia Hadis

Di antara cara penggunaan yang akan menjimatkan masa dan mendapat hasil carian yang diharapkan, pengguna hendaklah :

1. Meletakkan kata carian di ruangan العبارة tidak terlalu banyak (lebih daripada tiga kalimah)
2. Tidak menggunakan tanda bacaan.
3. Boleh mencari kata-kata ahli hadis yang tertentu dengan menulis namanya di ruangan المحدث .
4. Boleh mencari hadis atau maklumat tertentu di dalam kitab tertentu dengan menulis nama kitab di ruangan الكتاب .
5. Boleh mencari di dalam semua kitab dengan memilih perkataan الجميع .
6. Boleh memilih di antara: sebahagian perkataan yang dikehendaki, semua perkataan, semua pecahan perkataan, atau perkataan dan ayat yang sama dan serupa.
7. Di sana juga terdapat 5 pilihan hadis atau kata-kata ulama sama ada: hadis-hadis yang sahih, hadis-hadis yang isnadnya sahih, hadis-hadis yang daif, hadis-hadis yang isnadnya daif atau pengguna boleh memilih untuk mencari semuanya dengan perkataan الجميع .

Contohnya: Apabila pengguna ingin mencari hadis berkaitan menuntut ilmu walau ke Negara China. Pengguna boleh menulis perkataan الصين pada ruangan العبارة . Dan akan muncul :

---

- 9159 اطلبوا العلم ولو بالصين  
الراوي: أبو العاتكة - خلاصة الدرجة: [فيه] أبو العاتكة لا يعرف، وليس لهذا الحديث أصل - المحدث: البزار - المصدر:  
البحر الزخار - الصفحة أو الرقم: 1/175

---

- 162929 اطلبوا العلم ولو بالصين  
الراوي: أنس بن مالك - خلاصة الدرجة: باطلا أصل له - المحدث: ابن حبان - المصدر: المجروحين - الصفحة أو الرقم:  
1/489

---

- 23080 اطلبوا العلم ولو بالصين، فإن طلبه فريضة على كل مسلم  
الراوي: أبو هريرة - خلاصة الدرجة: بهذا الإسناد باطل، فيه أحمد الجويباري كاتئضع الحديث - المحدث: ابن عدي -  
المصدر: الكامل في الضعفاء - الصفحة أو الرقم: 1/292

---

- 20803 اطلبوا العلم ولو بالصين، فإن طلب العلم فريضة على كل مسلم

الراوي: أنس بن مالك - خلاصة الدرجة: [فيه] أبو عاتكة عن أنس عامة ما يرويه عن أنسلا يتابعه عليه أحد من الثقات - المحدث: ابنعدي - المصدر: الكامل في الضعفاء - الصفحة أو الرقم: 5/188

---

- 199942 اطلبوا العلم ولو بالصين، فإن طلب العلم فريضة على كل مسلم  
الراوي: أنس بن مالك - خلاصة الدرجة: متنه مشهور وإسناده ضعيف وروي من أوجه كلها ضعيفة - المحدث: البيهقي - المصدر: شعب الإيمان - الصفحة أو الرقم: 2/724

---

- 131318 اطلبوا العلم ولو بالصين، فإن طلب العلم فريضة على كل مسلم  
الراوي: أنس بن مالك - خلاصة الدرجة: [فيه] روي بإسنادين فيهما ضعيف - [المحدث: ابن القيسراني - المصدر: ذخيرة الحفاظ - الصفحة أو الرقم: 1/416

---

- 70056 اطلبوا العلم ولو بالصين  
الراوي: أنس بن مالك - خلاصة الدرجة: [فيه] أبو عاتكة طريف بن سلمان منكر الحديث جدا - المحدث: ابن القيسراني - المصدر: تذكرة الحفاظ - الصفحة أو الرقم: 61

---

- 222394 اطلبوا العلم ولو بالصين  
الراوي: - - خلاصة الدرجة: فيها أبو عاتكة طريف بن سلمان هو منكر الحديث - المحدث: ابن القيسراني - المصدر: معرفة التذكرة - الصفحة أو الرقم: 101

---

- 192855 اطلبوا العلم ولو بالصين، فإن طلب العلم فريضة على كل مسلم  
الراوي: أنس بن مالك - خلاصة الدرجة: لا يصح - المحدث: ابن الجوزي - المصدر: موضوعات ابن الجوزي - الصفحة أو الرقم: 1/347

---

- 192865 اطلبوا العلم ولو بالصين، فإن طلب العلم فريضة على كل مسلم  
الراوي: أنس بن مالك - خلاصة الدرجة: لا يصح - المحدث: ابن الجوزي - المصدر: موضوعات ابن الجوزي - الصفحة أو الرقم: 1/348

---

- 185946 يا علياخذ لك نعلين من حديد وافنهما في طلب العلم ولو بالصين  
الراوي: - - خلاصة الدرجة: ليس من كلام النبي صلى الله عليه وسلم - المحدث: ابن تيمية - المصدر: مجموع الفتاوى - الصفحة أو الرقم: 18/382

---

Akan dinyatakan nombor hadis, teks hadis, perawi hadis, kesimpulan status hadis, ahli hadis yang mengeluarkan hadis tersebut, sumber atau kitab ulama hadis tersebut dan jilid serta muka surat.

Secara keseluruhannya kenyataan dan status hadis adalah dibuat secara :

1. Kesimpulan terhadap kata-kata ulama hadis yang dinyatakan.
2. Kenyataan tentang darjat sesuatu hadis dibuat secara ringkas tetapi tidak menukar maksud sebenar kata-kata tersebut.
3. Kenyataan tentang darjat hadis adalah dilihat kepada matan hadis sahaja. Jika ulama hadis menyatakan sanad daif kemudian mengatakan ia *hasan li ghairihi* atau sahih dengan sekalian toriqnya, maka yang akan disebut hanyalah hukum terhadap matan. Jika ulama tersebut hanya menyatakan hukum terhadap sanad, maka akan dinyatakan hukumnya itu.

### 5.2.2. Keistimewaan Web *al-Durar al-Saniyyah*

Web ini mempunyai beberapa keistimewaan antaranya :

1. Hasil kata carian akan dimerahkan. Ini memudahkan proses pencarian kata carian tersebut tanpa perlu kepada membaca keseluruhan ayat untuk memastikan ketepatan nasnya.
2. Nombor hadis, jilid, halaman dan nama perawi dinyatakan dengan jelas. Ini memudahkan pentakhrij untuk melihat bilangan toriq hadis dan membezakan di antara *shahid* dan *mutaba'ah*.
3. Status hadis turut dinyatakan. Ini merupakan aspek penting yang perlu diketahui oleh pengguna di samping pendapat ulama terhadap hadis.
4. Sumber dan penulisnya juga dinyatakan. Ini memudahkan urusan rujukan kepada naskhah asal kitab yang dicetak.
5. Turut disenaraikan cetakan, tahun, tempat bagi kitab-kitab yang digunakan di ruangan الطبعات المعتمدة<sup>14</sup>.

### 5.2.3 Peluang Penambahbaikan

Di antara perkara yang masih terdapat ruang untuk dilakukan penambahbaikan :

1. Hadis-hadis yang dinyatakan tidak disebut nama kitab (topik di dalam kitab) dan nama bab yang akan memudahkan lagi pencarian dalam kitab-kitab yang bercetak.
2. Sumber-sumber rujukan yang digunakan adalah daripada cetakan yang agak lama.
3. Kadangkala hadis yang dinyatakan adalah merupakan nas ditengah-tengah nas yang panjang atau penghujung kepada nas tersebut. Ini akan melambatkan proses untuk mendapatkan nas yang sebenar di dalam kitab yang dicetak.
4. Ruangan الطبعات المعتمدة tidak disertakan dengan bantuan carian yang membolehkan pengguna mendapatkan maklumat lengkap mengenai sesuatu rujukan secara pantas. Sebanyak 445 rujukan disenarai dan disusun mengikut huruf hija'iyah pada tajuk buku yang agak menyukarkan pengguna, lebih-lebih lagi bagi pengguna yang tidak mengingati tajuk sebenar atau tajuk rujukan tersebut seperti yang digunakan oleh web ini.
5. Sesetengah sumber yang menjadi tempat makhraj sesuatu hadis tidak dimasukkan dalam skop carian. Misalnya sesetengah kitab tafsir yang banyak memuatkan hadis beserta sanad seperti *Bahr al-'ulum* oleh al-Samarqandiyy, tafsir al-Baghawiyy dan sebagainya, begitu juga dengan sesetengah kitab takhrij seperti *al-Mughni 'an haml al-asfar fi al-asfar* oleh al-'Iraqiyy, malah kitab *al-Adab al-mufrad* oleh Bukhari sendiri tidak terdapat dalam senarai rujukan.
6. Hadis-hadis yang disenaraikan lebih baik jika disertakan dengan baris bagi memudahkan pengguna mengetahui bacaan sebenar sesuatu hadis lebih-lebih lagi bagi lafaz-lafaz yang *musykil*, *mushtabih* dan *mukhtalif*.
7. Web ini walaupun memberikan sumbangan yang besar dalam bidang pengajian Islam terutama dalam bidang hadis, namun keterangan lebih lengkap mengenai latar belakang pengasas dan para penyelidik yang memberikan sumbangan dalam membangunkan web ini serta kepakaran mereka amat diperlukan bagi menambahkan keyakinan pengguna terhadap maklumat-maklumat yang dipaparkan. Kredibiliti web juga akan menjadi lebih terserlah di samping membantu para pengguna atau penyelidik lain untuk menjalankan penyelidikan-penyelidikan berkaitan.

## 6. Kesiediaan Pengajar

Oleh kerana kemunculan aplikasi-aplikasi ini masih dianggap baru dan para pengajar ilmu hadis rata-rata tidak mempunyai pengalaman mengaplikasikannya semasa mereka belajar, ditambah pula dengan terdapat banyak kesilapan yang berlaku pada aplikasi-aplikasi hadis di awal kemunculannya,

---

<sup>14</sup>*Ibid.*

pengaplikasiannya dalam pengajaran dan pembelajaran kursus berkaitan hadis dilihat belum begitu meluas. Malah didapati ada pengajar yang masih merasa skeptikal atau teragak-agak untuk menggunakannya.

Masalah ini dilihat perlu diatasi dengan segera demi menjadikan penggunaan aplikasi-aplikasi tersebut suatu paradigma baru dalam dunia pengajaran hadis. Maklumat jelas tentang penggunaannya, ciri-ciri kemudahan dan keistemewaannya perlu didedahkan. Ini kerana mutu aplikasi-aplikasi tersebut semakin bertambah baik dan kini sudah mencapai tahap yang memuaskan jika dibandingkan mutunya di zaman awal kemunculannya. Jika terdapat beberapa kesilapan, perkara itu boleh dianggap kecil kerana ianya adalah perkara biasa dalam mana-mana hasil kerja manusia hatta pada hasil kerja ulama besar. Usaha yang telah dilakukan oleh pihak pembangunnya, jika diamati, adalah usaha yang mempunyai ketelitian. Apa yang penting adalah para pengajar mesti mengatasi faktor kejanggalkan, peka serta memahami cara membetulkan kesilapan yang berlaku di dalamnya<sup>15</sup>.

## **7. Prasarana/Fasiliti Pengajaran**

Perkara lain yang turut penting dalam proses P & P kursus berkaitan hadis, supaya aplikasi tersebut dapat dimanfaatkan, adalah kewujudan fasiliti. Fasiliti yang dimaksudkan di sini adalah komputer dan talian internet. Oleh kerana aplikasi-aplikasi tersebut adalah berasaskan komputer, maka peralatan komputer diperlukan bagi P & P. Jika aplikasi tersebut dalam talian, maka talian internet juga diperlukan.

Adalah lebih baik jika proses P & P tersebut dilakukan bersama pelajar di dalam sebuah bilik khusus yang mengandungi kemudahan yang sama seperti makmal komputer yang lain. Malah lebih baik jika bilik tersebut dikhususkan untuk kajian hadis sahaja sepertimana makmal hadis yang terdapat di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.

Walaupun proses ini boleh dilakukan di mana-mana atau para pelajar boleh membawa komputer riba mereka sendiri, tetapi dengan penyediaan fasiliti kemudahan komputer dalam bilik makmal, proses P & P akan menjadi lebih cepat dan berkesan. Ia juga tidak akan terganggu dengan kursus lain yang juga memerlukan kepada penggunaan makmal komputer.

## **8. Penutup**

Aplikasi ICT berkaitan hadis dilihat perlu dimanfaatkan dalam pengajian hadis. Ini kerana, selain dapat memudahkan proses pendidikan, ia juga dapat memberikan pengalaman praktikal kepada para pelajar dan bersesuaian pada cita rasa dan minat mereka zaman ini. Penggunaannya dapat menarik perhatian mereka dalam mempelajari ilmu yang hampir tidak lagi dirasakan kepentingannya ini lantaran kesukarannya pada suatu masa dahulu. Pendedahan mengenai penggunaan aplikasi ICT berkaitan hadis perlu diberikan kepada para guru dan pelajar-pelajar bagi membolehkan mereka mengintegrasikan ilmu Islam tradisional dengan teknologi moden, khususnya kursus ilmu al-Takhrij dan kajian sanad. Meskipun terdapat beberapa kelemahan pada aplikasi yang sedia ada, kelemahan tersebut boleh diperbaiki dan tidak sampai boleh mencatitkan aplikasi tersebut. Diharapkan agar pengajian hadis dapat mengalami anjakan paradigma dengan mengaplikasikan teknologi ICT dalam pengajian berkaitannya.

## **Bibliography**

Embong, Suhaimi. 2014. *IT atau ICT : Sama atau berbeza?* 06 Jan. Diakses Jan 09, 2014.  
<http://bm.harakahdaily.net/index.php/kesatuan-fikrah/24723-it-atau-ict-sama-atau-berbeza>.

---

<sup>15</sup>Kawaid, A. I. S. D. (2012). Inovasi Dalam Pengajaran Hadis: Penggunaan Laman Web Islamweb. net dalam Pengkajian Sanad. *Bangi. Darul Syakir*.

Kawaid, A. I. S. D. (2012). Inovasi Dalam Pengajaran Hadis: Penggunaan Laman Web Islamweb. net dalam Pengkajian Sanad. *Bangi. Darul Syakir*.

Rosenberg, M.J. 2000. *E-Learning*. New York: McGraw Hill.

Salim, ‘Amr Abdul Mun’im. 2002. *Taysir Dirasah al-Asanid*. Tanta: Dar al-Dhia’.

Zulhilmi Mohamed Nor. 2010. “Takhrij al-Hadith di Era ICT : Tinjauan Terhadap Web al-Durar al-Saniyyah.” *SWAN 2010*. Nilai: FPQS.

<http://gk.islamweb.net:8080>.

*al-Sirah al-Zatiyyah li Mahmud Murakibi*. Diakses January 20, 2014. <http://mahmoudelmarakby.com/>.

*Ma Qisah al-Syamilah wa Dr. Nafi'*. Diakses Januari 20, 2014.  
<http://www.ahlalhdeeth.com/vb/showthread.php?t=118839>.

*Man Nahnu*. Diakses Januari 2014, 20.  
<http://articles.islamweb.net/media/index.php?page=article&id=13341>.

*Ta'rif bi Jawami al-Kalim*. Diakses Oktober 25, 2013. <http://gk.islamweb.net:8080/GKAbout.pdf>.